

PANDANGAN DAN PEMIKIRAN PENGARANG DALAM SYAIR KISAH NEGERI BRUNEI

(Author's Views and Thoughts in Syair Kisah Negeri Brunei)

Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji Tengah
brahim.tengah@ubd.edu.bn

Faculty of Arts and Social Sciences, Universiti Brunei Darussalam, Jalan
Tungku Link, Gadong BE1410 Negara Brunei Darussalam.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Ampuan Haji Brahim
Ampuan Haji Tengah. (2025). Pandangan dan pemikiran pengarang
dalam *Syair Kisah Negeri Brunei*. *Malay Literature*, 38(1), 43–70.
[https://doi.org/10.37052/ml38\(1\)no3](https://doi.org/10.37052/ml38(1)no3)

Received: Peroleh:	23/9/2024	Revised: Semakan	7/1/2025	Accepted: Terima:	12/6/2025	Published online: Terbit dalam talian:	26/6/2025
-----------------------	-----------	---------------------	----------	----------------------	-----------	---	-----------

Makalah ini telah melalui penilaian sulit berganda (*This article has undergone a double-blind peer-review process*)

Abstrak

Manuskrip Melayu klasik banyak tersimpan di institusi penyimpanan manuskrip dalam dan luar negeri. Namun begitu, masih banyak manuskrip klasik yang mengandungi pemikiran, pengetahuan, akal budi dan budaya orang Melayu pada masa lalu yang belum dikaji dan disebarkan kepada khalayak. Sebuah manuskrip Melayu klasik Brunei telah ditemukan di Pusat Pengkajian Borneo (PenBorneo), Pusat Sejarah Brunei, iaitu *Syair Kisah Negeri Brunei*. Manuskrip ini masih belum mendapat perhatian pengkaji dan khalayak dalam meneroka pandangan serta pemikiran yang terkandung dalam naskhah ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana *Syair Kisah Negeri Brunei* ini menggambarkan pandangan dan pemikiran masyarakat Brunei dengan memberikan tumpuan terhadap kepemimpinan Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien yang diceritakan dalam syair ini. Kajian ini menggunakan pendekatan hermeneutik dan juga ciri-ciri kepimpinan yang diutarakan oleh Haji Mahmud Saedon (1995). Kajian ini mendapati bahawa teks *Syair Kisah Negeri Brunei* mengandungi pandangan dan pemikiran terhadap kepemimpinan Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien, iaitu Sultan Brunei ke-28 berkaitan aspek pendidikan, keamanan dan kesejahteraan

negara, pengukuhan syiar Islam, belas ihsan terhadap orang tua serta adat istiadat diraja Brunei. Kesemua pandangan dan pemikiran ini sedikit sebanyak meningkatkan imej tamadun masyarakat Melayu Brunei khususnya, dan bangsa Melayu itu sendiri umumnya.

Kata kunci: *Syair Kisah Negeri Brunei*, Sultan Omar Ali Saifuddien, manuskrip, pemikiran, kepemimpinan, tamadun

Abstract

An extensive amount of classical Malay manuscripts are preserved in manuscript repositories both domestically and internationally. As such, most of them hold many Malay thoughts, knowledge, intellect, and culture that are yet to be studied and disseminated to the public. One classical Bruneian Malay manuscript titled Syair Kisah Negeri Brunei was discovered at the Borneo Research Centre (PenBorneo), Brunei History Centre. This manuscript has not received the attention of researchers and the public in exploring the views and thoughts contained within it. Therefore, this study aims to examine the extent to which Syair Kisah Negeri Brunei reflects the views and thoughts of Bruneian society by focusing on the leadership of the late Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien as depicted in the syair. The study employs a hermeneutic approach as well as leadership characteristics outlined by Haji Mahmud Saedon (1995). The study found that the text of Syair Kisah Negeri Brunei contains views and thoughts on the leadership of the late Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, the 28th Sultan of Brunei, concerning aspects of education, peace and prosperity in the nation, strengthening of Islamic teachings, compassion towards the elderly, as well as Bruneian royal customs. All these views and thoughts contribute to enhancing the image of Bruneian Malay civilisation in particular, and the Malay people in general.

Keywords: *Syair Kisah Negeri Brunei, Sultan Omar 'Ali Saifuddien, manuscript, thought, leadership, civilisation*

PENGENALAN

Manuskrip Melayu klasik merupakan warisan bangsa yang mengandungi pandangan, pemikiran dan budaya orang Melayu, dan warisan ini ditransliterasikan serta dikaji untuk penyebaran dan pelbagai keperluan lain. Satu daripada tujuannya adalah untuk mempelajari atau mengetahui pandangan, pemikiran, ilmu, akal budi dan budaya orang Melayu yang secara tidak langsung dapat menggambarkan tamadun bangsa Melayu pada masa lalu. Menurut Ding Choo Ming (2008), manuskrip Melayu merupakan sumber peribumi masyarakat Melayu, memandangkan terdapat seribu satu keilmuan dan sejarah tentang alam ini yang meliputi aspek perundangan, ketatanegaraan, hiburan, falsafah, agama dan sebagainya dalam manuskrip tersebut.

Sebagai sebuah bangsa yang telah lama wujud, masyarakat Melayu mempunyai sejumlah manuskrip Melayu klasik, namun sebahagian daripadanya dikatakan telah dibawa oleh Stamford Raffles dalam perjalanan dari Singapura ke England dan musnah semasa kapal yang dinaikinya terbakar dan tenggelam.¹ Ismail Hussein (1974) menganggarkan bahawa terdapat 3000 naskhah manuskrip Melayu pada tahun 1960an dan 5000 naskhah pada tahun 1974, manakala Ding Choo Ming (2008) menganggarkan terdapat 10000 naskhah manuskrip dalam dunia Melayu pada tahun 2008. Menurut Harun Mat Piah (2016), sehingga kini terdapat sekitar 22000 naskhah manuskrip Melayu yang melebihi 5000 buah judul. Walaupun kini bilangan manuskrip mungkin semakin bertambah hasil daripada penyelidikan dan pengumpulan manuskrip Melayu yang telah dijalankan di pelbagai tempat, namun dijangkakan masih banyak lagi manuskrip Melayu klasik yang belum didedahkan, dikaji, disebarkan dan seterusnya diketahui pemikiran yang terkandung di dalamnya.

Gallop (2015) berjaya menyenaraikan manuskrip Melayu dari beberapa buah tempat di alam Melayu yang mempunyai tarikh, seterusnya secara tidak langsung memperlihatkan tamadun bahasa Melayu. Daripada senarai tersebut, perkara yang menarik ialah manuskrip Melayu terawal yang mempunyai tarikh merupakan manuskrip berbentuk surat dari Brunei, iaitu *Letter from the Sultan of Brunei* yang bertarikh 1599, manakala manuskrip Melayu terakhir yang mempunyai tarikh ialah *Syair Keberangkatan Sultan Muhammad Jamalul Alam* yang bertarikh 1938. Penemuan ini menunjukkan bahawa Brunei merupakan antara negara Melayu yang terawal menguasai penulisan dan meletakkan tarikh dalam persuratan bagi menyampaikan pemikiran. Walaupun manuskrip klasik Brunei tidak disebutkan atau tidak

dibincangkan secara terperinci dalam buku sejarah kesusasteraan Melayu klasik, namun Brunei turut memberikan sumbangan yang memperkaya kesusasteraan Melayu itu sendiri, dan seterusnya mengangkat imej tamadun Melayu. Walau bagaimanapun, manuskrip Melayu klasik Brunei belum banyak ditransliterasikan, dikaji dan diterbitkan. Setakat ini, hanya tujuh buah manuskrip lama Brunei yang telah dikaji, iaitu *Silsilah Raja-Raja Brunei*, *Syair Awang Semaun*, *Syair Rajang*, *Hukum Kanun Brunei*, *Hikayat Dang Amas*, *Hikayat Seri Rama* dan *Syair Keberangkatan Sultan Brunei* (Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji Tengah, 2010).

Syair Kisah Negeri Brunei

Negara Brunei Darussalam memiliki beberapa buah institusi yang menyimpan, menjaga dan memulihara manuskrip Melayu klasik Brunei. Satu daripada institusi tersebut ialah Pusat Pengkajian Borneo (PenBorneo). Dalam simpanan Pusat Pengkajian Borneo (PenBorneo), terdapat sebuah manuskrip Melayu klasik Brunei yang belum disebarikan dan kandungannya belum diketahui oleh khalayak ramai, iaitu *Syair Kisah Negeri Brunei*.²

Syair Kisah Negeri Brunei merupakan manuskrip Melayu Brunei terakhir yang mempunyai penanda waktu, iaitu berdasarkan peristiwa yang diceritakan, walaupun sebenarnya naskhah manuskrip ini tidak mencatatkan tarikh sebenar naskhah ini dikarang. Naskhah manuskrip ini adalah dalam bentuk salinan fotokopi, oleh itu, ukuran kertas tidak dapat dilakukan. Berdasarkan isi kandungan naskhah ini, *Syair Kisah Negeri Brunei* berkemungkinan ditulis pada sekitar tahun 1959 hingga 1971 kerana syair ini menceritakan peristiwa yang berlaku sekitar tahun tersebut. Syair ini menceritakan tentang hal ehwal yang berlaku semasa pemerintahan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, Sultan Brunei ke-28, yang memerintah Brunei dari tahun 1950–1967. Antara peristiwa yang berlaku semasa pemerintahan Almarhum ialah pembentukan Perlembagaan Negeri Brunei pada tahun 1959, ulang tahun Hari Keputeraan baginda pada tahun 1958, perasmian Masjid Omar 'Ali Saifuddien pada tahun 1958 serta pemberian Pencen Umur Tua yang mula diperkenalkan pada tahun 1954 dan berkuat kuasa pada tahun 1955. Dalam teks manuskrip, dicatatkan bahawa kadar pembayaran Pencen Umur Tua adalah sebanyak \$20.00 sebulan. Dari segi sejarah, kadar pembayaran Pencen Umur Tua tidak tetap, iaitu sentiasa berubah dan disesuaikan dengan keadaan semasa seperti perubahan yang dicatatkan di bawah:

Jadual 1 Kadar Bayaran Pencen Umur Tua Sejak Tahun 1955.

Tarikh	Jumlah
1 Januari 1955 hingga 31 Ogos 1971	\$20.00
1 September 1971 hingga 30 November 1973	\$25.00
1 Disember 1973 hingga 31 Disember 1976	\$30.00
1 Januari 1977 hingga 31 Disember 1979	\$37.50
1 Ogos 1980 hingga 31 Disember 1983	\$50.00
1 Januari 1984 hingga 30 April 1991	\$100.00
1 Mei 1991 hingga 30 Jun 1998	\$150.00
1 Julai 1998 hingga 30 September 2006	\$200.00
1 Oktober 2006 hingga sekarang	\$250.00

Sumber: Jabatan Pembangunan Masyarakat (2007). *Bahagian Perkhidmatan Warga Emas dan Pencen-Pencen*. <http://www.japem.gov.bn/Mengenai%20KKBS/Bahagian%20Perkhidmatan%20Warga>

Berdasarkan pertimbangan ini, tarikh penulisan *Syair Kisah Negeri Brunei* tidak mungkin selepas 1 September 1971 kerana pada tarikh ini, kadar pembayaran Pencen Umur Tua telah dinaikkan menjadi \$25.00 sebulan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa tarikh *Syair Kisah Negeri Brunei* ditulis adalah sekitar tahun 1959 hingga 1971, sekali gus meletakkan *Syair Kisah Negeri Brunei* sebagai manuskrip terakhir yang mempunyai tarikh dan kewujudannya dapat menggambarkan imej tamadun bangsa Melayu Brunei dari segi penulisan.

Manuskrip ini mempunyai ruang yang belum diterokai untuk memperdalam pemahaman masyarakat tentang warisan sejarah, budaya dan intelek Brunei. Hal ini turut mencerminkan wacana pemikiran dan nilai budaya masyarakat Melayu Brunei terhadap pelbagai aspek kehidupan dan kepemimpinan. Oleh itu, kajian ini memfokuskan pandangan dan pemikiran masyarakat Melayu Brunei yang diwakili oleh pengarang *Syair Kisah Negeri Brunei* terhadap kepimpinan Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddin.

KAJIAN LEPAS

Kepentingan manuskrip Melayu klasik telah menjadi pemangkin kepada pelbagai usaha penyelidikan seawal abad ke-17 sehingga kini, melibatkan sarjana tempatan dan antarabangsa, termasuk sarjana Melayu dan bukan Melayu. Hal ini demikian kerana manuskrip Melayu berperanan sebagai

platform penting dalam membuktikan kewujudan tamadun Melayu yang kaya dengan nilai intelektual dan kebudayaan tinggi. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk lebih banyak penyelidikan memandangkan masih terdapat sejumlah manuskrip yang masih belum lagi diselidik, termasuk di Negeri Brunei Darussalam. Kepentingan manuskrip ini turut ditegaskan oleh Makmur Harun (2016) yang menyatakan bahawa manuskrip Melayu merupakan sumber utama dalam pelbagai disiplin ilmu. Pendekatan kajian filologi dan pengkajian manuskrip dapat menyerlahkan kepelbagaian dan ketinggian ilmu yang terakam sejak zaman kuno hingga ke zaman moden. Kajian terhadap manuskrip yang belum diterokai bukan sahaja memperkukuh kefahaman masyarakat terhadap warisan keilmuan bangsa, malah turut mempertingkatkan apresiasi terhadap nilai manuskrip Melayu sebagai khazanah negara yang bernilai.

Dalam bidang kajian kesusasteraan Melayu klasik Brunei, terdapat beberapa naskhah manuskrip yang sering menjadi tumpuan para sarjana dan penyelidik kerana nilai sejarah, kebudayaan dan keilmuan yang tinggi. Antara naskhah yang sering menjadi fokus kajian termasuklah *Silsilah Raja-Raja Brunei*, *Syair Awang Semaun*, *Syair Rajang*, *Hukum Kanun Brunei*, *Hikayat Dang Amas*, *Hikayat Seri Rama* dan *Syair Keberangkatan Sultan Brunei*. Naskhah-naskhah ini bukan sahaja memberikan gambaran tentang susur galur keturunan diraja dan struktur pemerintahan tradisional, malah turut memperlihatkan pemikiran dan pandangan masyarakat Melayu Brunei terhadap institusi raja, kepahlawanan dan sejarah wilayahnya. Sebagai contoh, *Silsilah Raja-Raja Brunei* telah dikaji oleh Ampuan Haji Tengah Ampuan Haji Tengah (2015) dalam melihat hubungan kesultanan Brunei dengan negara-negara lain. Kajian tersebut memberikan tumpuan kepada tiga versi manuskrip *Silsilah Raja-Raja Brunei* yang tersedia, termasuk yang terdapat di perpustakaan School of Oriental and African Studies (SOAS) dan Royal Asiatic Society of London. Selain itu, *Syair Awang Semaun* juga sering menjadi tumpuan pengkaji. Misalnya, Maxwell (2006) mengkaji syair ini dalam melihat kedudukan *Syair Awang Semaun* sebagai karya sastera epik. Kajian ini menganalisis penggunaan nama tempat dan toponim dalam teks serta implikasinya terhadap pemahaman sejarah dan budaya Brunei. Tambahan lagi, syair ini turut dikaji oleh Khayrin Kamalia Ramle dan Zubir Idris (2023) yang mengkaji syair ini dalam aspek gaya bahasa. Kajian ini menganalisis penggunaan gaya bahasa perbandingan dalam *Syair Awang Semaun*, dengan menumpukan pada metafora, personifikasi dan perumpamaan. Pendekatan kualitatif digunakan berdasarkan Model Gaya Bahasa oleh Henry Guntur Tarigan.

Selain itu, kajian terhadap karya Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien telah menarik perhatian sarjana tempatan dan antarabangsa yang meneliti karya baginda dari pelbagai sudut seperti bahasa, budaya, pemikiran politik, metafora dan sejarah kesusasteraan. Antara karya Almarhum baginda yang sudah ditransliterasikan dan diterbitkan seperti *Syair Perlembagaan Negeri Brunei*, *Syair Asli Rajang Hari*, *Syair Kenangan*, *Rampai Laila Syair* dan *Syair Nasihat* turut sering menjadi bahan kajian ilmiah. Kesemua naskhah ini bukan sahaja mencerminkan ketajaman pemikiran dan ketokohan penulisnya, malah juga berfungsi sebagai sumber penting dalam memahami perkembangan intelektual dan warisan budaya masyarakat Brunei. Antara karya yang sering dianalisis ialah *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* dan *Syair Nasihat*. Misalnya, *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* telah dianalisis oleh Aini Hj Karim et al. (2020) dari sudut sosiolinguistik, khususnya konsep “badangan sanak” dalam sistem panggilan kekeluargaan masyarakat Brunei. Penelitian ini menekankan nilai budaya dan komunikasi dalam teks syair tersebut. Ezith Perdana Estafeta (2015) pula mengkaji karya ini dengan melihat pada kearifan lokal dalam syair. Kajian ini meneliti *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* sebagai karya yang menterjemahkan amanat kehidupan dan melanjutkan visi dari kehidupan sebuah negeri, mencerminkan nilai budaya dan pemikiran masyarakat Brunei.

Selain itu, *Syair Nasihat* juga banyak dikaji dari pelbagai aspek seperti aspek metafora konsepsi kemuliaan manusia oleh Muhamad Fadzliah Zaini (2017). Kajian tersebut menggunakan pendekatan semantik kognitif untuk menganalisis metafora dalam *Syair Nasihat*, yang menggambarkan pandangan Sultan Omar ‘Ali Saifuddien tentang kemuliaan manusia dan nilai-nilai moral. Kesemua kajian ini menunjukkan bahawa karya-karya syair Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien bukan sahaja merupakan karya sastra, tetapi juga wahana pemikiran dan warisan budaya yang wajar dikaji secara berterusan. Walaupun karya-karya baginda banyak memperlihatkan pandangan dan pemikiran baginda sendiri dalam pelbagai aspek kenegaraan, keagamaan dan kemasyarakatan, namun kajian ini memberikan tumpuan kepada bagaimana masyarakat Brunei melihat dan menanggapi kepemimpinan serta keperibadian baginda. Tumpuan khusus diberikan terhadap pandangan dan pemikiran masyarakat yang terzahir melalui karya yang ditulis oleh individu dalam kalangan masyarakat Brunei sendiri, yakni *Syair Kisah Negeri Brunei*.

Berdasarkan sorotan kajian lepas yang telah dikemukakan, dapat dilihat bahawa kebanyakan kajian adalah tentang syair-syair yang sudah

ditransliterasikan dan diterbitkan. Oleh itu, penemuan sebuah lagi manuskrip Melayu klasik Brunei dalam tulisan Jawi yang diberi tajuk *Syair Kisah Negeri Brunei* merupakan sebuah peluang untuk menambah dan meluaskan ruang penyelidikan di Brunei, terutamanya dalam bidang kajian manuskrip. Penemuan ini tidak hanya memperkaya khazanah warisan sastera dan sejarah Brunei, tetapi turut menawarkan pandangan baharu dan menambahkan pengetahuan tentang sosiobudaya, politik dan juga agama semasa karya tersebut ditulis. Selain itu, kemunculan manuskrip ini turut membuka ruang untuk meneroka bahasa, gaya penulisan dan tema yang terdapat dalam manuskrip ini. Dalam masa yang sama, perkara ini menekankan kepentingan pemuliharaan manuskrip yang boleh menghubungkan masyarakat kini dengan budaya dan intelektual masyarakat Melayu Brunei terdahulu sambil memupuk wacana ilmiah dalam kajian manuskrip.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan dua pendekatan, iaitu pendekatan hermeneutika dan pendekatan ciri-ciri kepemimpinan. Kaedah hermeneutika yang dipelopori oleh Friedrich Schleiermacher (1768–1834) secara umum melibatkan pra-pemahaman dengan mentafsir latar belakang, pengalaman dan menilai sendiri dalam proses pentafsiran. Kedua, kaedah tersebut melibatkan pemahaman bahagian teks secara keseluruhan, dan pemahaman keseluruhan teks melalui bahagian-bahagiannya. Ketiga, pembaca berinteraksi dengan teks dan makna dibentuk bersamanya. Keempat, pemahaman konteks sejarah, sosial, budaya teks dan membuat tafsiran yang lebih bermakna. Cara pertama kaedah ini digunakan adalah dengan membaca teks dengan kesedaran pra pemahaman dan memiliki andaian tertentu terhadap teks. Kedua, menganalisis struktur dan makna dengan melihat tema, simbol dan naratif utama teks. Seterusnya, pembaca memahami konteks dengan mengkaji latar masa teks ditulis, budaya, politik dan sosial. Pembaca juga perlu melihat bagaimana teks “berinteraksi” pada masa pembacaan ini berbanding dengan zaman pada teks ditulis. Kelima, pembaca menyimpulkannya dalam bentuk interpretasi baru dengan membina pemahaman yang hidup dan dinamik.

Pembacaan awal terhadap transliterasi *Syair Kisah Negeri Brunei* mendapati bahawa terdapat banyak pandangan dan pemikiran pengarang tentang beberapa perkara, termasuklah tentang kepemimpinan Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddin. Oleh itu, selain pendekatan

hermeneutika, kajian ini meneliti kepemimpinan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien melalui pandangan dan pemikiran pengarang dengan menggunakan pendekatan kepemimpinan. Pendekatan kepemimpinan ini dipilih berdasarkan hasil pembacaan dan pemahaman awal terhadap teks, yang menunjukkan bahawa aspek kepemimpinan merupakan antara unsur yang paling menonjol. Oleh itu, unsur tersebut diuraikan dengan mengaitkannya kepada ciri-ciri kepemimpinan menurut perspektif Islam, Ciri-ciri kepemimpinan yang diutarakan oleh Haji Mahmud Saedon (1995) diaplikasikan untuk melihat kepemimpinan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dalam *Syair Kisah Negeri Brunei*. Haji Mahmud Saedon (1995) telah menyenaraikan enam ciri kepemimpinan, iaitu:

- Mempunyai matlamat kepemimpinan, secara umumnya adalah untuk mendapatkan keredaan Allah, mendapatkan kebahagiaan di dunia dan di akhirat, pengabdian dan perhambaan diri kepada Allah, menegakkan makruf dan meninggalkan perkara mungkar, menegakkan keadilan, mengangkat martabat manusia dan menuju ke arah kesempurnaan akhlak dan mewujudkan kasih sayang, hormat-menghormati dan saling membantu ke arah kebaikan dan ketakwaan.
- Menjadikan kepemimpinan Rasulullah SAW sebagai contoh dan ikutan.
- Kepemimpinan yang mendukung tauhid.
- Kepemimpinan yang berpegang kepada syari'ah.
- Kepemimpinan yang berakhlak.
- Kepemimpinan yang matang, berwibawa dan berkeahlian.

Keenam-enam ciri tersebut dilihat melalui peristiwa dan perwatakan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dalam *Syair Kisah Negeri Brunei*. Dengan menggunakan kedua-dua pendekatan ini, pandangan dan pemikiran pengarang dapat dilihat dengan mengikut tafsiran berdasarkan *Syair Kisah Negeri Brunei*.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam menganalisis teks *Syair Negeri Brunei*, kajian ini memberikan tumpuan terhadap pandangan dan pemikiran pengarang terhadap kepemimpinan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang terkandung dalam teks itu yang dapat dilihat dari aspek pendidikan, keamanan dan kesejahteraan negara, menegakkan syiar Islam, mengasihi

orang tua serta adat istiadat diraja Brunei. Menerusi *Syair Kisah Negeri Brunei*, masyarakat Melayu Brunei yang diwakili oleh pengarang dalam naskhah ini digambarkan memandang tinggi Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien sebagai seorang pemimpin yang berwibawa. Gambaran kepemimpinan Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien dalam syair ini selaras dengan ciri-ciri kepemimpinan yang diutarakan oleh Haji Mahmud Saedon (1995). Ciri-ciri kepemimpinan ini dapat dilihat secara langsung dan tidak langsung melalui beberapa pandangan serta pemikiran masyarakat Melayu Brunei dalam syair ini.

Pendidikan

Aspek pendidikan merupakan satu daripada perkara yang menonjol dalam *Syair Kisah Negeri Brunei*. Aspek pendidikan amat dititikberatkan dalam syair ini. *Syair Kisah Negeri Brunei* menekankan kepentingan berpendidikan (berilmu) bagi membentuk sebuah masyarakat atau negara bangsa yang memiliki jati diri, tatasusila dan budi pekerti yang terpuji. Hal ini ditekankan oleh pengarang, yang mewakili masyarakat Melayu Brunei pada awal penulisan dengan merujuk sumber al-Quran dan hadis seperti yang tercatat dalam naskhah manuskrip *Syair Kisah Negeri Brunei* (seterusnya disebut *SKNB*) (t.th:1):

Sebab pun firman di dalam Quran,
atau hadis nabi pilihan,
menunaikan ilmu yang diwajibkan,
kerana fadilatnya mendatangkan kebajikan.

Petikan syair memperlihatkan bahawa kepentingan menuntut ilmu itu telah jelas tertulis dalam al-Quran dan juga terkandung dalam beberapa hadis nabi. Kandungan al-Quran berulang kali menegaskan dan menggalakkan orang yang beriman untuk bermuhasabah, belajar dan mencari kefahaman, kerana ilmu dianggap sebagai sarana untuk menguatkan iman dan memperbaiki diri dan masyarakat, begitu juga dalam beberapa hadis Rasulullah SAW. Sebagai bangsa yang berpegang pada falsafah Melayu Islam Beraja sejak dahulu lagi, tamadun bangsa Melayu Brunei turut bersandarkan pada tamadun Islam. Islam menggalakkan umatnya untuk terus-menerus menuntut ilmu dari dalam buaian hingga liang lahad. Hal ini mempengaruhi pandangan masyarakat Melayu Brunei terhadap ilmu. Mereka yakin bahawa ilmu yang diwajibkan akan mendatangkan kebaikan di dunia dan akhirat. Individu yang tidak memiliki ilmu pengetahuan

berisiko untuk berada dalam keadaan kejahilan yang mendalam, sehingga menyukarkannya untuk melaksanakan sebarang tugas yang memerlukan kemampuan berfikir secara kritis. Malah, individu sedemikian mungkin tidak berupaya membezakan antara perbuatan yang membawa kebaikan dengan perbuatan yang membawa keburukan. Tambahan lagi, pada masa kini, ilmu merupakan perkara penting untuk mencapai kemajuan. Hal ini jauh berbeza dengan pandangan masyarakat Melayu Brunei pada masa lalu, yang lalai dan tidak mementingkan ilmu pengetahuan (*SKNB*, t.th.:2):

Hamba tah pula berhati pilu,
mengenangkan nasib masa dahulu,
bercampur gaul rajin selalu,
terlengah daripada menuntut ilmu.

Petikan tersebut mencerminkan ratapan pengarang tentang waktu atau budaya di mana pencarian ilmu dipandang rendah atau diabaikan. Pengarang meluahkan kesedihan atas kejahilan yang berlaku dan peluang untuk berkembang secara intelek, moral atau rohani diabaikan dan ditentang oleh masyarakat sendiri pada suatu masa dahulu. Pengarang tidak ingin perkara sedemikian berulang kembali kerana beliau percaya dengan adanya ilmu, sesebuah bangsa itu boleh dan mampu maju ke hadapan ke arah yang lebih baik demi bangsa, agama dan juga negara.

Kepentingan pendidikan dalam sesebuah masyarakat tidak lagi diragukan dan telah diperakui oleh sebahagian besar masyarakat di seluruh dunia. Pandangan dan pemikiran tentang kepentingan pendidikan tidak hanya tersebar dalam kalangan rakyat biasa tetapi turut dititikberatkan oleh pemerintah kerajaan. Apabila kedua-dua pihak meletakkan nilai tinggi terhadap pendidikan, hal ini menunjukkan matlamat dan dedikasi bersama untuk memupuk pembangunan intelek dan sosial. Perkara ini juga memperlihatkan jalinan persefahaman yang mendalam antara rakyat dengan kerajaan. *Syair Kisah Negeri Brunei* turut menceritakan tentang perwatakan dan sumbangan Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddin terhadap pendidikan di Negeri Brunei Darussalam (*SKNB*, t.th.:4):

Maulana Al-Sultan Omar ‘Ali Saifuddin,
mengganti Al-Marhum Ahmad Tajuddin,
wajah laksana nuralasyikin,
arif budiman sempurna yakin.

Lagi berilmu serta beriman,
adil dan murah sepanjang zaman,
yakin mengikut hadis dan firman,
ajmak ulama jadi pedoman.

Berpatutan dengan rajin hatinya,
menuntut ilmu juga kehendaknya,
cepat mendapat sebarang dicitanya,
bermacam-macam ilmu ada kepadanya.

Petikan syair memperlihatkan kebijaksanaan, ketakwaan, keadilan dan kemurahan hati Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien sebagai seorang pemerintah. Dalam masa yang sama, petikan tersebut turut memperlihatkan bahawa Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien merupakan seorang tokoh yang sangat suka menuntut pelbagai ilmu yang berguna dan bermanfaat. Perkara ini juga menggambarkan bahawa Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien bukan sahaja memerintah dengan penuh kebijaksanaan tetapi juga berusaha untuk terus memperkayakan kefahaman demi kemajuan rakyatnya dengan mengikuti ajaran Islam yang tertulis dalam al-Quran dan juga hadis sahih. Oleh sebab ketekunan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dalam menuntut ilmu, masyarakat Melayu Brunei memandang Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien sebagai seorang pemerintah yang berilmu dan mementingkan pendidikan.

Secara keseluruhannya, Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien digambarkan sebagai seorang pemerintah yang berilmu, suka menuntut ilmu dan menerapkan ilmu yang dimilikinya dengan berkesan dalam tadbir urus negara. Komitmen Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dalam mencari ilmu pengetahuan mencerminkan kematangan, kerana Almarhum memahami bahawa pengetahuan merupakan asas yang penting untuk membuat keputusan yang baik dalam tadbir urus yang berkesan agar negara dapat maju ke hadapan. Dengan menggunakan pengetahuan yang diperoleh untuk memimpin dengan kebijaksanaan dan pandangan jauh, *SKNB* memperlihatkan kewibawaan Almarhum sebagai seseorang yang berkebolehan untuk memahami serta menangani cabaran yang mendatang. Pemimpin sebegini memahami bahawa pembelajaran berterusan adalah penting untuk pertumbuhan bangsa, agama dan juga negara. Oleh itu, jelaslah bahawa Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien mempunyai kepemimpinan yang matang, berwibawa dan berkeahlian.

Keamanan dan Kesejahteraan Negara

Satu daripada peranan dan tanggungjawab seorang sultan ialah menjaga keamanan dan kesejahteraan negara. Hal ini bertujuan untuk menyuburkan pertumbuhan dan perkembangan sebuah bangsa dan negara yang maju. Perkara ini seperti pernyataan bahawa “tanggungjawab seorang sultan adalah untuk memastikan keamanan negara terjamin dan memberikan kesejahteraan dan kebajikan kepada rakyatnya”, manakala “Bangsa yang sering bertelingkah dan negara yang kacau, akan menghambat kemajuan bangsa itu sendiri” (Ismail Haji Awang Nordin, 2006/2007:72). Masyarakat Melayu Brunei dalam *Syair Kisah Negeri Brunei* berpandangan bahawa keamanan dan kesejahteraan negara hanya akan dapat dicapai jika sesebuah negara itu dipimpin oleh seorang pemimpin yang bijak, berani dan berusaha bersungguh-sungguh dalam mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan kedaulatan bangsa dan negara. Masyarakat Melayu Brunei melihat Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien sebagai seorang pemimpin yang sentiasa melaksanakan peranan dan kewajipan tersebut untuk menjadikan Brunei tetap wujud dan merdeka. Pandangan sedemikian lahir daripada kemajuan pemikiran masyarakat Melayu Brunei yang matang dalam menilai kepemimpinan pemimpinnya dari segi tanggungjawab, kewibawaan, politik dan wawasannya (SKNB, t.th:6,17):

Di Brunei lungguh bersemayam,
memikirkan kewajiban siang dan malam,
merundingkan Brunei Darussalam,
supaya terang jangan terpadam.

...

Baginda nan bijak serta Johari,
menjalankan tenaganya sangat berani,
negeri orang putih banyak didatangi,
mencari dalil teladan dan rasmi.

Berdasarkan petikan berikut, masyarakat Melayu Brunei menyaksikan kebijakan Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien dalam menangani isu pentadbiran demi menjaga keamanan dan kesejahteraan Negeri Brunei Darussalam, bukan sahaja dari aspek hubungan dalam negara yang berkaitan dengan masyarakat setempat, tetapi juga hubungan dengan negara luar. Perkara ini memperlihatkan bahawa baginda begitu peka dalam menangani apa jua yang berlaku yang bersangkutan paut dengan kemakmuran negara. Bahkan baginda sentiasa mengadakan mesyuarat bersama wazir, cheteria

dan menteri untuk berbincang dan berkongsi fikiran, pelaksanaan rancangan dan sebagainya, seperti yang terpapar dalam petikan syair (*SKNB*, t.th:11):

Sentiasa fikiran dicari,
dengan wazirnya ceteria menteri,
sebarang rundingan darihal pari,
bermesyuarat di dalam lapau sendiri.

Menyuruh banyak bermacam warna,
ada di lapau ada di istana,
mencari fikiran akal sempurna,
asalkan mendapat rundingan kana.

Banyak mesyuarat sudah terjadi,
ada yang rendah ada yang tinggi,
yang pertamanya mesyuarat negeri,
tetap dibuat sebulan sekali.

Dalam memastikan keberkesanan dan kelangsungan sebarang urusan negara, mesyuarat atau perundingan amat diperlukan. Hal ini kerana mesyuarat sangat penting dalam mencari penyelesaian yang terbaik sebelum memberikan keputusan yang muktamad. Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien juga dibantu oleh orang tertentu atau pegawai baginda yang mempunyai peranan dan amanah serta mempunyai tugas untuk menguruskan kerajaan dan pentadbiran negara bersama-sama dengan baginda. Perkara ini akan memberikan pelbagai pandangan yang berbeza dalam mencapai kesepakatan untuk menghasilkan satu perbincangan dan penyelesaian yang teratur dan berkesan. Oleh itu, baginda memutuskan untuk mengadakan mesyuarat secara tetap, iaitu sebulan sekali yang memperlihatkan komitmen dan tanggungjawab baginda dalam menjaga kestabilan, kemakmuran dan keamanan negara.

Dalam perlembagaan Negeri Brunei, terdapat persetujuan yang menyatakan bahawa kerajaan Inggeris hanya berkuasa terhadap hal ehwal luar Negara Brunei. Berhubung dengan hal ehwal dalam negeri, kerajaan Inggeris juga tidak dibenarkan untuk masuk campur terutamanya tentang adat istiadat Brunei. Sekiranya terdapat mesyuarat berhubung dengan hal ehwal dalam negeri, Pesuruhjaya Tinggi akan mewakilkan pegawainya dari London untuk menghadiri mesyuarat tetapi tidak mempunyai hak untuk memberikan pendapat. Dalam perlembagaan dinyatakan persahabatan antara Brunei dengan England yang saling membantu dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan Negeri Brunei (*SKNB*, t.th:45):

Pesuruhjaya Tinggi apatah lagi,
setiap istiadat tiada bersunyi,
diwakilkan Queen dari London Negeri,
menguruskan rundingan darihal peri.

Di dalam warta perlembagaan,
ada tertulis persahabatan,
antara Brunei dengannya England,
bertolong-tolongan berbantu-bantuan.

Walaupun Perlembagaan Negeri Brunei 1959 tidak dihuraikan secara terperinci dalam *Syair Kisah Negeri Brunei*, namun kesan dan maknanya yang besar dapat ditanggapi melalui petikan-petikan syair yang memberi gambaran terhadap hasil pelaksanaannya. Hal ini jelas dalam petikan yang menyentuh tentang had kuasa Pesuruhjaya Tinggi British serta penekanan terhadap adat istiadat Brunei yang tidak boleh diganggu-gugat. Baris “setiap istiadat tiada bersunyi” dan “diwakilkan Queen dari London Negeri” memperlihatkan bahawa meskipun terdapat kehadiran wakil British, namun kedudukan dan kedaulatan Brunei tetap dipelihara, selaras dengan semangat perlembagaan tersebut. Tambahan lagi, meskipun perincian perlembagaan tidak ditampilkan secara lebih mendalam, masyarakat Melayu Brunei melalui syair ini menyuarakan kesedaran mereka terhadap pentingnya dokumen bersejarah itu yang telah mengukuhkan asas negara Brunei. Masyarakat Melayu Brunei dalam *Syair Kisah Negeri Brunei* berpandangan bahawa pemikiran, kebijaksanaan dan jasa Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien yang paling besar adalah dengan termaktubnya Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Menurut Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman (2016), kewujudan perlembagaan tersebut telah menjadikan Brunei sebagai sebuah negara moden dan Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien telah mendapat julukan “Arkitek Brunei Moden”.

Dengan termaktubnya Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Brunei dapat mempertahankan keselamatan, kedaulatan dan keamanan negara. Keamanan merupakan perkara yang paling utama dan penting dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Dengan kehidupan dalam suasana aman damai, rakyat akan dapat mengembangkan potensi kemahiran dan kemampuan mereka dalam meningkatkan pencapaian dan kemajuan diri, keluarga, bangsa dan negara. Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien layak dianggap sebagai seorang pemimpin yang berakhlak, iaitu seorang yang amanah dan bertanggungjawab dalam menerajui negara yang peka

dengan keadaan negara dan sedaya upaya menangani isu-isu yang berlaku dengan kritis dan bijaksana.

Pengukuhan Syiar Islam

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang mengamalkan cara hidup yang berlandaskan ajaran agama Islam sejak pemerintahan Sultan Brunei yang pertama lagi. Kedudukan Islam di Negeri Brunei Darussalam diperkuh dengan penggubalan agama Islam sebagai agama rasmi negara dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan seterusnya pengisytiharannya ketika Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984 (Mohammad Muslihuddin Syah Haji Mustafa, 2014). Sejak itu, syiar Islam semakin berkembang dan ditegakkan oleh Sultan Brunei bersama-sama dengan masyarakat Melayu Brunei.

Dalam *Syair Kisah Negeri Brunei*, terdapat beberapa peristiwa yang memperlihatkan bagaimana syiar Islam ditegakkan di Negeri Brunei Darussalam, antaranya termasuklah pembinaan dan pembukaan Masjid Omar ‘Ali Saifuddien. Masjid tersebut yang dinamakan dengan nama baginda sendiri, merupakan sebuah masjid yang dibina di tengah-tengah Bandar Seri Begawan. Pembukaan masjid yang dicatatkan pada 26 September itu telah dilakukan secara besar-besaran dengan dihadiri oleh raja-raja Melayu dan para pembesar dari luar negara. Catatan yang agak terperinci mengenai pembinaan dan pembukaan Masjid Omar ‘Ali Saifuddien memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu Brunei mahukan syiar Islam terus berkembang dan menjadi cara hidup masyarakat Melayu Brunei. Sifat masyarakat Melayu Brunei yang rajin beribadat dapat dilihat daripada gambaran selepas pembukaan Masjid Omar ‘Ali Saifuddien (*SKNB*, t.th:61):

Masuk mereka berpantas pantas,
membuat sahaf macam berbatas,
penuh di bawah naik ke atas,
semuanya penuh tiada berluas.

Semua sembahyang tahiyatul masjid,
ke atas ke bawah semuanya sempit,
safnya singkat berakit-rakit,
ada yang sujud di ujung tumit.

Beberapa banyak mereka yang pulang,
kerana tiada boleh lagi sembahyang,
hendak membuat saf di padang,
semana-mana hujan pun datang.

Hujan yang datang terlalu lebat,
alamat tuhan memberi rahmat,
kerana raja yang berdaulat,
masjidnya batu besar fadilat.

Petikan syair menjelaskan jumlah jemaah yang ramai masuk ke dalam masjid sewaktu majlis pembukaan Masjid Omar ‘Ali Saifuddien sehingga tidak ada ruang lagi di dalamnya. Hal ini memaksa para jemaah yang tidak berkesempatan masuk ke dalam masjid untuk membuat saf (barisan) di padang untuk melaksanakan solat sunat tahiyatul masjid bersama-sama, namun terhalang disebabkan oleh hujan yang turun dengan lebat, dan hal ini disifatkan oleh masyarakat Melayu Brunei sebagai rahmat bagi Negeri Brunei Darussalam sempena pembukaan masjid tersebut. Perkara ini jelas memperlihatkan kegembiraan dan semangat masyarakat Melayu Brunei untuk bersama-sama meraikan pembukaan masjid tersebut.

Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien dikenali sebagai seorang sultan yang amat menitikberatkan tentang nilai-nilai Islam dalam kehidupan (Dr. Haji Ramlee Haji Tingkong, 2019). Pembukaan Masjid Omar ‘Ali Saifuddien dalam *Syair Kisah Negeri Brunei* ini meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri masyarakat Melayu Brunei. Masyarakat Melayu Brunei melihat Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien sebagai seorang sultan yang sentiasa menegakkan syiar Islam dengan mendirikan masjid di seluruh negara. Majlis pembukaan masjid tersebut diisi dengan acara keagamaan (SKNB, t.th:61):

Sedikit lagi hamba terangkan,
Awang Yusuf Brunei membaca Quran,
Haji Abdul Rahman Selangor yang permulaan,
Muda Haji Adnan yang kemudian.

Khatib Haji Metali membaca khutbah,
suaranya tagap tiada gelabah,
Arab Melayu ada terjumlah,
nasihatnya banyak surah dan tegah.

Dengan seketika khatib pun tamam,
Sultan Selangor junjung mengimam,
Mufti dari Johor pula dipinjam,
dialah menghasilkan menjadi imam.

Melalui petikan syair tersebut, digambarkan bahawa majlis pembukaan Masjid Omar ‘Ali Saifuddien diisi dengan aktiviti berunsur keagamaan bagi menzahirkan kesucian dan kepentingan rohani dalam acara tersebut. Antara acara yang diadakan pada majlis tersebut ialah bacaan al-Quran oleh Kadi Besar Brunei, iaitu Awang Yusuf. Selepas itu, khutbah dibacakan oleh Khatib Haji Metali yang menyentuh tentang suruhan dan larangan dalam agama Islam dan diikuti oleh sembahyang Jumaat yang diimamkan oleh Mufti dari Johor. Acara ini diadakan bagi memohon keberkatan dan menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT. Dengan menjalankan aktiviti keagamaan, majlis tersebut bukan semata-mata meraikan pembukaan masjid baharu, tetapi juga menyelaraskan sambutan tersebut dengan fungsi asal masjid, iaitu sebagai tempat untuk berkumpul dan beribadah.

Perbuatan seorang pemimpin yang membina masjid, sama ada kecil ataupun besar, dan menerapkan aktiviti keagamaan sewaktu majlis pembukaannya memperlihatkan komitmen yang tinggi terhadap kepimpinan yang menyokong tauhid dan berpegang pada prinsip syariah. Pembinaan Masjid Omar ‘Ali Saifuddien mencerminkan kesungguhan Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien untuk menjadikan masjid sebagai tempat untuk beribadah, pertumbuhan rohani dan sebagai ruang untuk masyarakat berkumpul serta mengeratkan hubungan silaturahim. Tambahan lagi, pengisian aktiviti keagamaan dalam pembukaan masjid memperlihatkan bahawa setiap acara itu perlulah dilaksanakan dengan mengajak masyarakat untuk mengingati Allah SWT. Pada masa yang sama, peristiwa ini turut menggambarkan penegakan syiar Islam. Oleh itu, jelaslah bahawa Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien menepati ciri kepimpinan yang mendukung tauhid dan berpegang kepada syariah.

Belas Ihsan terhadap Orang Tua

Masyarakat Melayu Brunei dalam *Syair Kisah Negeri Brunei* juga menekankan sifat Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien yang mengasihi orang tua. Keprihatinan baginda terhadap golongan tersebut terbukti dengan pemberian kurnia Pencen Umur Tua. Kurnia yang diberikan menyerlahkan pemikiran sultan yang selari dengan pandangan

masyarakat Melayu Brunei dan ajaran agama Islam itu sendiri. Masyarakat Melayu Brunei sejak dahulu lagi memang mewarisi nilai-nilai kebruneian turun-temurun seperti “yang tua dituakan”, “berawar galat”³, “memucang-mucang”⁴ (gotong-royong), “sangkut hati”⁵ (Haji Matassim Haji Jibah, 1994) dan sebagainya. Hal ini termasuklah perbuatan menghormati orang tua lebih-lebih lagi ibu bapa sendiri dan hal ini menjadi lebih kukuh apabila agama Islam bertapak di Brunei. Tamadun Melayu memberikan keutamaan kepada orang yang tua atau yang berusia dengan pemahaman bahawa mereka mempunyai lebih banyak pengalaman berbanding dengan orang muda, dan pengalaman merupakan perkara penting dalam masyarakat Melayu, sementara perbuatan berbakti kepada orang tua juga dipercayai membawa berkat dan sangat dituntut oleh agama Islam (*SKNB*, t.th: 36-37):

Keamanan Brunei di bandar kulun,
siapa yang umur enam puluh tahun,
laki-laki perempuan demikianlah konon,
dapat kurnia derma elaun.

Pencen tua konon namanya,
umur enam puluh tahun yang di bawahnya,
sehingga ke atas bila masanya,
balasan bertaat di dalam negerinya.

Elaun pencen disebut orang,
dua puluh ringgit tentulah tarang,
tiap-tiap bulan pada seorang,
siapa menerima berhati girang.

Berhati suka yang menerima,
seraya mendoakan sultan ternama,
dapat hadiah dengan percuma,
satu keraja tidak diterima.

Melalui petikan, dijelaskan bahawa Almarhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien mewujudkan skim Pencen Umur Tua serta memperlihatkan sifat “sangkut hati” baginda terhadap rakyat. Skim ini telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 1955, seperti yang dihasratkan oleh baginda supaya dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara yang Pertama dan memastikan golongan ini mendapat perlindungan yang sewajarnya daripada pihak kerajaan (Jabatan Pembangunan Masyarakat, 2017).

Negara Brunei Darussalam merupakan satu antara negara di dunia yang memberikan pencen kepada warga emas. Kesejahteraan dan keamanan hidup yang dikecap oleh masyarakat Melayu Brunei kini disifatkan sebagai berkat daripada Allah SWT atas sifat pemurah dan simpati yang terdapat pada Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien kepada rakyat baginda dengan memberikan mereka Pencen Umur Tua sebanyak \$20.00 seorang. Semasa pemerintahan baginda, jumlah kurnia ini sering dikaji semula sesuai dengan keperluan semasa. Tambahan pula, Pencen Umur Tua bukan sahaja diberikan kepada orang Islam tetapi juga kepada orang bukan Islam (*SKNB*, t.th:37):

Demikianlah kemurahan Seri Paduka,
segenap daerah demikian juga,
tiada bersakat tiada berhingga,
kafir dan Islam mendapat juga.

Perkara ini memperlihatkan akhlak Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang mulia dalam menyantuni orang yang lebih tua. Kepemimpinan baginda yang mencontohi kepemimpinan Rasulullah SAW dalam memberikan pertolongan dan menjaga kemaslahatan golongan tersebut adalah kerana mereka juga sebahagian daripada anggota masyarakat dan berhak untuk menikmati kehidupan yang selesa tanpa mengira jantina, bangsa dan agama. Melalui analisis ini, Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien jelas mempunyai matlamat kepemimpinan, iaitu untuk mendapatkan keredaan Allah SWT, mengangkat martabat manusia, mewujudkan kasih sayang, hormat-menghormati dan tolong menolong ke arah ketakwaan kepada Allah SWT.

Adat Istiadat Diraja Brunei

Adat dan budaya menjadi lambang dan identiti sesebuah masyarakat dan memperlihatkan keistimewaan sesebuah masyarakat tersebut. Dalam konteks Brunei, masyarakat Melayu Brunei tidak dapat dipisahkan dengan adat dan budaya yang kaya dengan nilai dan pengajaran. Adat istiadat Brunei mempunyai dasar-dasar tertentu yang ditetapkan oleh Jabatan Adat Istiadat Negara. Menurut Awangku Mohd Noor Hamaddi Pengiran Ahmad (2018), tujuan dasar tersebut diwujudkan adalah untuk mewujudkan keharmonian dan menjamin kesejahteraan dan perpaduan anggota masyarakat, taat setia, adat asli yang diwarisi turun-temurun, boleh dimodenkan tanpa menghilangkanan keasliannya, bersendikan agama

serta sesuai dengan kemampuan. Golongan diraja masih teguh dalam mengamalkan dan mempertahankan adat istiadat diraja Brunei dan perkara ini digambarkan oleh masyarakat Melayu Brunei dalam *Syair Kisah Negeri Brunei* dalam menghargai adat istiadat diraja Brunei yang kaya dengan nilai-nilai budaya dan penuh keindahan. Tambahan lagi, sejak kedatangan Islam di Negeri Brunei Darussalam, adat dan budaya Melayu telah disesuaikan bersandarkan pada ajaran Islam. Satu daripadanya ialah istiadat berkhatan seperti yang dinukilkan dalam petikan yang berikut (*SKNB*, t.th:50):

Terlebih elok tempat bertakhta,
di majlis khatan putera mahkota,
cukup kealatan ada berserta,
sangat majlis dipandang mata.

Istiadat berkhatan putera maulana,
bersemayam di Balai Seri Buana,
buatannya elok amat sempurna,
sangat majlis jumarlang warna.

Buatannya tungkup semacam limas,
pemanjang kuning bagi benang emas,
ukiran bunganya bercat airmas,
dipandang jauh semacam emas.

Berkhatan merupakan tuntutan untuk umat Islam yang wajib dilakukan. Golongan diraja turut tidak terkecuali dan golongan diraja mengadakan istiadat berkhatan yang memperlihatkan bahawa mereka turut mengutamakan kewajipan sebagai seorang Islam. Petikan syair memperlihatkan secara tidak langsung kewajipan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin sebagai seorang bapa dan juga seorang raja yang memberikan contoh yang baik kepada rakyat baginda. Istiadat berkhatan diadakan sebagai upacara keagamaan namun diraikan mengikut adat istiadat diraja Brunei yang bersesuaian, penuh tata tertib dan tidak melanggar ajaran Islam. Istiadat ini digambarkan dengan penuh kemeriahan, seterusnya menggambarkan keindahan dari segi persediaan, kelangsungan dan kesempurnaan istiadat tersebut (*SKNB*, t.th:57):

Pengiran Muda Hassanal Bolkiah nama yang tua,
Pengiran Muda Muhamed Bolkiah nama yang kedua,
parasnya elok putera kedua-dua,
barang sedikit tiada kecewa.

Setelah selesai adat istiadat,
dibaca pula Doa Selamat,
Pehin Siraja Khatib menteri yang taat,
membaca doa sambil berehat.

Selain itu, majlis juga diakhiri dengan bacaan doa selamat agar majlis mendapat keberkatan daripada Allah SWT. Hal ini memperlihatkan peranan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien sebagai pemimpin Islam yang menjalankan tugas dan pada masa yang sama mempertahankan adat dan budaya Melayu Brunei. Perkara ini juga memperlihatkan hubungan yang seimbang antara aspek keagamaan dengan aspek sosial dalam kehidupan masyarakat. Kedua-duanya tidak bertentangan, malah saling menyokong antara satu sama lain dengan berlandaskan ajaran Islam. Pelaksanaan istiadat berkhatan tersebut digambarkan berjalan dengan penuh adat istiadat dan kemeriahan, dan ditutup dengan bacaan doa selamat untuk memohon keberkatan, keselamatan dan kesyukuran terhadap majlis yang berlangsung.

Melalui majlis adat istiadat diraja Brunei juga tergambar sifat bangsa Melayu Brunei yang berpegang pada akidah Islam, taat kepada sultan dan berpegang teguh pada adat resam. Sifat-sifat tersebut merupakan pandangan semesta tamadun Melayu yang berteraskan unsur akidah Islam dan tergambar dalam ungkapan Melayu dan amalan kehidupan seharian yang bermatlamatkan kesejahteraan di dunia dan akhirat seperti "orang Melayu pantang derhaka kepada raja", "biar mati anak jangan mati adat", "bagai aur dengan tebing", "muafakat membawa berkat" dan "ringan sama dijinjing, berat sama dipikul". Oleh itu, syair ini menggambarkan bahawa baginda menepati ciri kepemimpinan yang berpegang kepada syariah dan bersandarkan pada ajaran Islam dalam melaksanakan apa jua acara termasuklah dalam majlis adat istiadat diraja Brunei.

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa pandangan pengarang *Syair Kisah Negeri Brunei* mengenai kepemimpinan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien adalah selari dengan pemikiran baginda sendiri dalam karya-karya baginda. Hal ini merupakan sesuatu yang luar biasa apabila rakyat memberikan pandangan mengenai rajanya, mendokumentasikannya melalui naskhah syair dan berkongsi pemerhatian mereka, khususnya tentang sifat dan keperibadian serta peranan dan tanggungjawab sultan sebagai pemerintah. Perkara yang lebih istimewa ialah Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien sendiri mengutarakan pemikiran yang sejajar dengan rakyatnya, mencerminkan hubungan yang mendalam dan harmoni

antara pemerintah dengan rakyat, misalnya pemikiran baginda mengenai kebajikan dan kesejahteraan rakyat yang dicatatkan dalam *Syair Kisah Negeri Brunei*, juga sering ditekankan dalam karya-karya baginda yang lain seperti *Syair Asli Rajang Hari*, *Syair Perlembagaan Negeri Brunei*, *Syair Nasihat* dan *Syair Kenangan*. Sekadar untuk memetik dua tiga rangkap contoh sahaja daripada karya-karya baginda seperti di bawah:

Hendaklah diturut peraturan negara
hendaklah dipatuhi undang-undang tertara
untuk kebajikan susunan cara
seluruh rakyat dipelihara. (*Syair Asli Rajang Hari*, t.th:21)

Menjalankan hukum usaha kebajikan
melaksanakan kerja untuk kebaikan
kepada saudara rakyat sekalian
dengan izin Allah Malikuldian. (*Syair Perlembagaan Negeri Brunei*, t.th:2)

Perbuatan yang baik ia galakkan
yang mana jahat ia elakkan
segala peraturan disuruh kerjakan
semuanya itu untuk kebajikan. (*Syair Nasihat*, t.th:15)

Saudara mazhab bangsa sapancir
di jalan kebajikan bersama fikir
bersama bertahan jangan bersingkir
untuk kebaikan sudara sesipir. (*Syair Kenangan*, t.th:314)

Hal ini memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu Brunei merupakan sebuah masyarakat yang sudah matang dalam membuat penilaian dan wujud perpaduan yang mendalam antara rakyat dengan pemerintah.

KESIMPULAN

Negara Brunei Darussalam merupakan salah sebuah negara terawal dan terakhir mempunyai tradisi penulisan manuskrip yang mencatatkan tarikh dan secara tidak langsung mengangkat imej tamadun bangsa Brunei khususnya dan bangsa Melayu umumnya. Dalam pada itu, terdapat sebuah manuskrip lama Brunei ditemui dalam koleksi PenBorneo, yang masih mengekalkan tradisi penulisan manuskrip Melayu lama,

iaitu *Syair Kisah Negeri Brunei*. Hasil kajian ini mendapati bahawa beberapa aspek pemikiran dan pandangan diserlahkan dalam syair ini, antaranya termasuklah dari segi pendidikan, iaitu pentingnya rakyat Brunei menuntut ilmu pengetahuan; sentiasa menjaga keamanan dan kesejahteraan negara yang tergambar daripada sifat kepedulian dan kebertanggungjawaban pemimpin; menegakkan syiar Islam seperti mendirikan masjid; mengasihi orang tua dengan memberikan penceen dan memelihara adat istiadat diraja Brunei berpandukan ajaran Islam. Melalui kelima-lima pandangan dan pemikiran tersebut, kepemimpinan Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien sebagai seorang pemimpin yang baik juga berjaya ditonjolkan melalui *Syair Kisah Negeri Brunei*. Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien telah memenuhi keenam-enam ciri-ciri kepemimpinan yang diutarakan oleh Haji Mahmud Saedon. Sehubungan dengan itu, dapat disimpulkan bahawa Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien memiliki ciri-ciri kepemimpinan yang mempunyai matlamat, menjadikan kepemimpinan Rasulullah SAW sebagai contoh dan ikutan, kepemimpinan yang mendukung tauhid, kepemimpinan yang berpegang kepada syariah, kepemimpinan yang berakhlak dan kepemimpinan yang matang, berwibawa dan berkeahlian. Kesemua pandangan pemikiran yang terkandung dalam teks *Syair Kisah Negeri Brunei* ini sedikit sebanyak telah memperlihatkan tamadun rakyat Brunei khususnya, dan bangsa Melayu itu sendiri umumnya.

Kajian ini diharap dapat membuka minat para penyelidik untuk mencari manuskrip lama Brunei yang belum dikaji yang masih banyak tersimpan di institusi penyimpanan manuskrip sama ada dalam negara mahupun di luar negara. Manuskrip-manuskrip ini mempunyai nilai sejarah, budaya dan intelek yang sangat besar, menawarkan pemahaman tentang pemikiran, tradisi dan cara hidup masyarakat Brunei pada masa lalu. Bukan itu sahaja, usaha ini juga boleh membawa kepada pemeliharaan dan penyebaran naskhah berharga ini kepada khalayak ramai, terutama untuk generasi yang akan datang agar penghayatan terhadap identiti budaya dan sejarah Brunei dapat difahami. *Syair Kisah Negeri Brunei* ini juga boleh dikaji dengan memfokuskan aspek yang belum dibincangkan secara meluas dan terperinci misalnya adat istiadat diraja Brunei dan perkembangannya. Aspek ini akan lebih menarik jika dikaji secara mendalam dan membandingkannya dengan adat istiadat diraja Melayu yang lain.

NOTA

1. Raffles meninggalkan Singapura dalam perjalanannya ke England pada akhir tahun 1823 melalui Bangkahulu, Sumatera Barat dengan menaiki kapal “The Fame”. Tragisnya, kapal tersebut telah terbakar dan tenggelam bersama khazanah manuskrip yang dikumpul dan dibawa. Hanya Raffles dan isterinya dapat menyelamatkan diri. Mendengar perkhabaran tersebut, Abdullah Munsyi menyatakan: “Maka apabila aku dengar khabar yang demikian itu terbanglah rohku sebab terkenangkan sekalian kitab-kitab bahasa Melayu daripada beberapa zaman (pun?) dipungutnya daripada segenap negeri sekalian itu habis hilang. Maka kitab-kitab itu tiada boleh didapati lagi sebab bukannya kitab cap banyak melainkan tulisan tangan (sic) barangkali dalam sebuah negeri tiada dua kitab semacam itu.” (Wan Ali Wan Mamat, 1997:102–113)
2. Nombor rujukan manuskrip ini di Pusat Pengkajian Borneo (PenBorneo) ialah PS/PnB/MS/0000137.
3. Berawar galat merupakan perkataan Brunei yang boleh membawa maksud “ada rasa malu dan sopan dalam diri dan sesama masyarakat”.
4. Memuncang-muncang merupakan perkataan Brunei yang boleh membawa maksud “bergotong royong”.
5. Sangkut hati merupakan perkataan Brunei yang boleh membawa maksud “terkenang untuk memberikan atau melakukan sesuatu perkara”.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Pen-Borneo Pusat Sejarah, Kementerian Belia dan Sukan yang telah memberikan kebenaran untuk mengkaji manuskrip *Syair Kisah Negeri Brunei* dan Universiti Brunei Darussalam yang telah memberikan sokongan dalam penulisan makalah ini. Penghargaan juga tidak lupa ditujukan kepada editor Jurnal Kesusasteraan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei yang telah memberikan pandangan dalam penulisan makalah ini.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebagai konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Aini Hj Karim, Muhamad Fadzllah Haji Zaini, & Nazrul Muhamin Abdul Aziz (Eds.). (2020). *Analisis Syair Perlembagaan Negeri Brunei* nukilan Muda Omar 'Ali Saifuddien (Moas): Perspektif bahasa dan budaya. https://www.researchgate.net/publication/344724877_ANALISIS_SYAIR_PERLEMBAGAAN_NEGERI_BRUNEI_NUKILAN_MUDA_OMAR_%27ALI_SAIFUDDIEN_MOAS_PERSPEKTIF_BAHASA_DAN_BUDAYA
- Ampuan Haji Brahim Ampuan Haji Tengah. (2010). *Kesusasteraan Brunei Tradisional: Pembicaraan genre dan tema*. Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. (2005). *Syair Rajang: Penyelenggaraan dan analisis teks*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah. (2015). *Silsilah Raja-Raja Brunei: The Brunei Sultanate and its relationship with other countries*. Routledge.
- Awangku Mohd Noor Hamaddi bin Pengiran Ahmad. (2018). *Pengenalan adat istiadat Brunei, Naubat dan Gendang Jaga-Jaga*. Jabatan Adat Istiadat Negara. <https://www.adat-istiadat.gov.bn/Shared%20Documents/KursusBengkel/Adat%20Istiadat%20Brunei%20dan%20Naubat%20Kebesaran%20Diraja.pdf>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2010). *Kamus bahasa Melayu Brunei edisi kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ding Choo Ming. (2008). *Manuskrip Melayu sumber maklumat peribumi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dr. Haji Ramlee Haji Tingkong. (2019). Unsur-unsur kepimpinan dalam *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* karya Muda Omar 'Ali Saifuddien (MSOAS). *Pangsura*, 42(22). 5–22.
- Ezith Perdana Estafeta. (2015). *Kearifan lokal Syair Perlembagaan Negeri Brunei karya Muda Omar 'Ali Saifuddien dalam sudut pandang etnosains* [Latihan Ilmiah: Universitas Airlangga].
- Gallop, A. T. (Peny.). (2015). A Jawi sourcebook for the study of Malay palaeography and orthography: Introduction. *Special issue of Indonesia and the Malay world*, 43(125), 13–171.
- Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman. (1995). *Ciri-ciri pentadbiran Islam: Dasar dan pelaksanaan*. Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam.

- Haji Matassim Haji Jibah. (1994). *Pertuturan III*. Jabatan Muzium-Muzium.
- Harun Mat Piah. (2016, 7–8 November). Kebangkitan intelektual alam Melayu Nusantara - Kesannya kepada pemantapan epistemologi Melayu tradisional [Prosiding]. *Prosiding Seminar Asal-Usul dan Intelektual Melayu Nusantara, Perpustakaan Negara Malaysia*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ismail bin Haji Awang Nordin. (2006/2007). Sistem sosial masyarakat tradisional Brunei abad ke-19: Suatu pengenalan ringkas. *Southeast Asia: A multidisciplinary journal*, 7(1).
- Ismail Hamid. (1987). *Perkembangan kesusasteraan Melayu lama*. Longman.
- Ismail Hussein. (1974). *The study of traditional Malay literature with a selected bibliography*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Pembangunan Masyarakat. (2017). *Bahagian perkhidmatan warga emas dan pencen-pencen*. Jabatan Pembangunan Masyarakat. <http://www.japem.gov.bn/Mengenai%20KKBS/Bahagian%20Perkhidmatan%20Warga20Emas%20dan%20Pencen-Pencen.aspx>.
- Kamus Dewan*. (1994). Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Khayrin Kamalia Ramle, & Zubir Idris. (2023). Analisis gaya bahasa perbandingan dalam *Syair Awang Semaun*. *Jurnal Melayu*, 22(2), 1–15.
- Liaw Yock Fang. (1982). *Sejarah kesusasteraan Melayu klasik*. Pustaka Nasional.
- Makmur Harun. (2016). *Jawi dan kajian manuskrip Melayu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Maxwell, A. R. (2006, 20 Januari). Assessing the epic status of the Brunei Malay Sya'ir Awang Simawn: Place names and toponyms [Kertas kerja]. *10th International Conference on Austronesian Linguistics (10-ICAL)*. Puerto Princessa, Pahlawan, Philippines.
- Mohammad Muslihuddin Syah Haji Mustafa. (2014). Nilai-nilai Islam dalam sosio-budaya masyarakat Brunei Darussalam [Persidangan]. *Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. https://www.researchgate.net/publication/330779927_NILAI-NILAI_ISLAM_DALAM_SOSIO-BUDAYA_MASYARAKAT_BRUNEI-DARUSSALAM
- Mohd. Kifli bin Haji Mohd. Yasin. (1998). *Hikayat Dang Amas: Satu kajian teks* [Latihan ilmiah, Universiti Brunei Darussalam].
- Muda Omar Ali Saifuddin. (2008). *Syair Perlembagaan Negeri Brunei*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Fadzllah Zaini. (2017). Analisis metafora konsepsi kemuliaan manusia dalam *Syair Nasihat* nukilan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'Adul Khairi Waddien, Sultan Negara Brunei Darussalam Ke-28 : Perspektif awalan semantik kognitif. https://www.researchgate.net/publication/319901315_ANALISIS_METAFORA_KONSEPSI_KEMULIAAN_MANUSIA_DALAM_SYAIR_NASIHAT_NUKILAN

SULTAN_HAJI_OMAR_%27ALI_SAIFUDDIEN_SA%27ADUL_KHAIRI_WADDIEN_SULTAN_NEGARA_BRUNEI_DARUSSALAM_KE-28_PERSPEKTIF_AWALAN_SEMANTIK_KOGNIT

- Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman. (2016). *Syair Perlembagaan Negeri Brunei* karya Sultan Omar 'Ali Saifuddien: Satu analisis fakta dan etika. Dalam Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah (Ed.). *Muda Omar 'Ali Saifuddien: Resepsi tokoh dan karya*. Pusat Sejarah Brunei.
- Sweeney, P.L. Amin. (1968). Salsilah raja-raja Brunei. *JMBRAS*, 41(2). 1–82.
- Teuku Iskandar. (1995). *Kesusasteraan klasik Melayu sepanjang abad*. t.tp.
- Wan Ali Wan Mamat. (1997). Kegiatan pengumpulan manuskrip Melayu di Malaya pada abad ke-19 dan 20. *Journal Filologi Melayu*, 6. 102–112.
- Winstedt, R.O. (1969). *A history of classical Malay literature*. Oxford University Press.